

29/03/2000

Buku Dr M dalam bahasa Arab

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerana kagum dengan kejayaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa negara mengharungi kegawatan ekonomi serantau, seorang wartawan kanan dari Arab Saudi menterjemahkan buku hasil nukilan Perdana Menteri, A New Deal For Asia, dalam bahasa Arab.

Ketua Pengarang Saudi Research & Publishing Co, Farouk Luqman, berkata buku itu amat menarik kerana menceritakan kisah sebenar kegawatan ekonomi di Asia, berdasarkan pengalaman seseorang yang `berada di tengah-tengah krisis itu'.

Beliau tertarik dengan kandungan buku itu kerana ia jelas menggariskan langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah berkenaan tanpa bantuan pihak luar.

"Krisis ekonomi di Asia boleh berlaku di mana jua termasuk di negara Arab. Kerana itu, saya berpendapat buku berkenaan adalah panduan terbaik bagi mengharungi cabaran getir terbabit," katanya dalam satu pertemuan di sini.

A New Deal for Asia diterbitkan oleh Penerbitan Pelanduk tahun lalu. Buku setebal 155 halaman itu mengandungi tujuh bab, sebahagian besarnya menyentuh masalah kegawatan ekonomi di Asia dan usaha mengatasinya.

Bab-bab berkenaan ialah: `An Asian View of the World', `Asia's Road to Prosperity', `Who Spoiled the Asia Dream', (Siapa yang Memusnahkan Mimpi Asia), `Asian View in a Turbulent World' (Pandangan Asia Terhadap Dunia yang Bergolak), `Looking East Again? Japan's Role In Reviving Asia', (Pandang ke Timur lagi? Peranan Jepun dalam Kebangkitan Asia) `Rebuilding East Asia for The New Millenium' (Membina Semula Asia Timur Bagi Menghadapi Alaf Baru), dan `Will the 21st Century Still Be the Asia Century?' (Adakah Abad Ke-21 Masih Menjadi Abad Asia?).

Farouk berkata, beliau menemui Dr Mahathir Sabtu lalu bagi menyampaikan draf terjemahan buku berkenaan, yang mengambil masa dua bulan untuk disiapkannya.

"Buku itu sebenarnya diserahkan kepada saya oleh Konsul Besar Malaysia di Jeddah, Datuk Syed Hussein al-Habshee dua bulan lalu, yang meminta saya menilai buku berkenaan untuk pasaran Arab.

"Selepas mengambil beberapa hari untuk menghabiskan buku itu, saya memberitahu Syed Hussein bahawa ia amat menarik dan memang sesuai untuk diterjemahkan dalam bahasa Arab," katanya.

Beliau yang tidak mengharap bayaran dalam menterjemah buku itu, menyifatkan pandangan Dr Mahathir itu penting kerana krisis Asia boleh berlaku di dunia Arab.

Farouk berkata, mulanya, selepas membaca buku itu beliau kurang pasti sama ada Malaysia boleh melepasi kegawatan ekonomi Asia dengan berkesan.

"Bagaimanapun, saya bertanya pada Dr Mahathir mengenai kedudukan Malaysia sekarang dua hari lalu dan beliau berkata, Malaysia berjaya mengatasinya tanpa sebarang bantuan mana-mana pihak," katanya.

Pelanduk dijangka mengeluarkan kira-kira 10,000 terjemahan buku berkenaan untuk pasaran Arab, bermula dengan Dubai, seawal Jun ini.

Dalam buku berkenaan, Dr Mahathir berkata, Asia yang terjejas teruk oleh krisis kewangan, mesti dibina semula menerusi asas yang lebih kental daripada sebelumnya.

Perdana Menteri berkata Asia mesti sekali lagi memberi tumpuan pada masa depan selepas krisis kewangan memiskinkan rantau ini.

(END)

